

Oleh Presiden Dieter F. Uchtdorf
Penasihat Kedua di dalam Presidensi Utama



Penuaian Tuhan

Seorang wanita bernama Christa pernah bekerja dalam satu syarikat yang menjual biji benih. Dia suka kerjanya. Dia berasa kagum bahawa setiap biji benih yang dia pegang berupaya untuk bertumbuh dan menjadi satu mukjizat—satu lobak merah, sebiji kubis, mahupun satu pokok oak yang besar.

Christa gemar untuk mengambil pesanan pada komputernya dan menjawab soalan. Tetapi pada satu hari dia menerima satu rungutan yang mengelirukan dia.

“Biji benih ini rosak,” pelanggan itu kata. “Saya beli biji benih ini dua bulan lalu dan mereka masih tidak berhasil.”

“Adakah kamu tanam biji benih itu dalam tanah yang subur dan berikan mereka cukup air dan cahaya matahari?” tanya Christa.

“Tidak, tetapi saya sudah lakukan kerja saya,” balas pelanggan itu. “Saya beli biji benih itu. Dan mereka *dijamin* untuk menumbuh.”

“Tetapi kamu tidak tanamkan mereka?”

“Tentunya tidak. Kerja itu akan kotorkan tangan saya.”

Christa merenung tentang perkara ini dan buat keputusan bahawa satu garis panduan tentang penanaman harus dituliskan. Dia buat keputusan tentang garis panduan pertama: “Kamu mesti ikut arahan penanaman supaya biji benih itu boleh bertunas. Kamu tidak boleh letakkan mereka pada satu rak dan harapkan mereka boleh tumbuh.”

Tidak lama kemudian lagi satu rungutan mengelirukan dia.

“Biji benih itu tidak berhasil,” seorang pelanggan kata.

“Adakah kamu tanamkan mereka dalam tanah yang subur?” balas Christa. “Adakah kamu berikan cukup air dan cahaya matahari kepada biji benih itu?”

“Ya,” kata pelanggan itu. “Saya lakukan semua perkara itu—seperti arahan pada bungkusannya itu. Tetapi tidak berjaya.”

“Adakah biji benih itu berubah? Adakah mereka bertunas?”

“Tidak,” kata pelanggan itu. “Saya tanamkan mereka mengikut arahan. Saya harap untuk gunakan tomato pada masa makan malam. Sekarang saya sangat kecewa.”

“Tunggu sekejap,” balas Christa. “Kamu tanamkan biji benih itu hari ini?”

“Jangan kata bodoh,” balas pelanggan itu. “Saya tanamkan biji benih itu satu minggu lalu. Saya tidak harapkan buah tomato pada hari pertama; saya sabar. Dan saya banyak mengair dan menunggu semenjak hari itu.”

Christa tahu bahawa dia harus tambahkan lagi satu garis panduan: “Biji benih ini mengikut hukum biologi. Jika kamu tanamkan biji benih itu pada pagi dan harap untuk menuai buah tomato pada hujung minggu itu, kamu akan kecewa. Kamu harus bersabar dan menunggu kerja alam semula jadi untuk berlaku tanpa gangguan kamu.”

Semua pun berlaku dengan lancar sehingga Christa menerima lagi satu rungutan.

“Saya sangat kecewa ke atas biji benih kamu,” pelanggan itu berkata. “Saya tanamkan mereka mengikut

cadangan pada bungkusan itu. Saya airkan mereka, berikan cahaya matahari, dan tunggu sehingga mereka berbuah.”

“Memangnya kamu lakukan segala perkara yang betul,” kata Christa.

“Ya,” balas pelanggan itu. “Tetapi saya dapat buah zukini!”

“Rekod saya tunjukkan bahawa biji benih yang kamu pesan ialah buah zukini,” kata Christa.

“Tetapi saya tidak mahu buah zukini; saya mahu buah labu!”

“Saya tidak faham.”

“Saya tanamkan biji benih itu dalam kebun labu saya—tanah yang menghasilkan buah labu tahun lalu. Saya memuji tanaman itu setiap hari, beritahu mereka bahawa mereka akan menjadi buah labu yang cantik. Tetapi, saya dapat buah zukini yang hijau dan bukan buah labu yang berwarna oren, yang bulat dan yang besar. Saya ada banyak buah zukini!”

Christa faham bahawa garis panduan itu mungkin tidak cukup dan dia harus tambahkan satu prinsip: “Biji benih yang kamu tanam menetapkan penuaian kamu.”

Hukum Penuaian

Rasul Paulus mengajar tentang penuaian Tuhan:

“Janganlah tipu diri sendiri. Tidak seorang pun dapat memperbodohkan Tuhan. Seseorang akan menuai apa yang ditanamnya.

“Jika seorang menanam menurut tabiat manusianya, dia akan menuai kematian. Tetapi jika dia menanam menurut pimpinan Roh Tuhan, dia akan menuai hidup sejati dan kekal daripada Roh Tuhan.

“Oleh itu, janganlah kita jemu melakukan perkara-perkara baik. Jika kita tidak berhenti-henti berbuat demikian, kelak kita akan menuai hasilnya” (Galatia 6:7–9).

Pada masa moden ini, Tuhan sudah berikan kita kebijaksanaan dan tinjauan tambahan tentang hukum yang tidak berubah ini:

“Ada satu hukum, dengan tak terbatalan ditetapkan di syurga sebelum pelandasan dunia ini, yang di atasnya segala berkat dilandaskan—

“Dan ketika kita mendapatkan berkat apa pun dari Tuhan, itu adalah kerana kepatuhan pada hukum itu yang diatasnya itu dilandaskan” (A&P 130:20–21).

Apa yang kita tanam, itulah yang akan kita tuai.

Kemuliaan penuaian Tuhan tidak dapat digambarkan. Bagi mereka yang mematuhi Dia, berkat-Nya datang dengan “berlimpah-limpah. Sukatan yang kamu gunakan untuk orang lain akan digunakan oleh Tuhan untuk kamu” (Lukas 6:38).

Seperti biji benih perlukan usaha dan kesabaran, begitu juga berkat-berkat syurga. Kita tidak boleh mengetapkan agama kita dan harapkan penuaian berkat rohani. Jika kita menanam dan membela standard-standard injil dalam kehidupan harian keluarga kita, anak-anak kita akan lebih berkemungkinan untuk membesar untuk menghasilkan buah rohani yang berharga bagi mereka dan bagi generasi akan datang.

Jawapan Tuhan untuk doa kita tidak selalunya datang dengan segera—kadang-kala nampaknya mereka tidak datang sekali pun—tetapi Tuhan tahu tentang perkara yang paling baik bagi anak-anak-Nya. Pastinya, pada suatu hari nanti kita akan dapat lihat dengan lebih jelas; dan pada hari itu kita akan mengenal kebaikan dan kemurahan hati syurga.

Sehingga masa itu, matlamat dan kebahagiaan kita adalah untuk berjalan dalam jejak Guru dan Juruselamat kita serta berhidupan baik supaya kita boleh memiliki penuaian berkat Tuhan yang bernilai yang sudah dijanjikan.

Apa yang kita tanam, itulah akan kita tuai.

Inilah hukum syurga.

Inilah hukum penuaian Tuhan.

MENGAJAR DARI PESANAN INI

Berbincang bersama mereka yang kamu kunjungi tentang cara hukum penuaian Tuhan boleh diaplikasikan ke atas perhubungan, penganutan dan kesaksian, atau kerjaya dan matlamat pendidikan. Kamu boleh baca dan menimbangkan ayat-ayat suci yang berkenaan dengan hukum ini, seperti Amsal 11:18; 2 Korintus 9:6; dan Alma 32. Galakkan mereka untuk kaji semula matlamat lama dan tetapkan matlamat baru untuk mencapai hasil yang soleh. Menolong mereka untuk mengembangkan satu rancangan untuk berlaku dengan konsisten untuk mencapai tujuan jangka panjang mereka.

Rancangkan Penuaian Kamu

Jika kita inginkan sesuatu pada masa depan, kita harus bekerja demi perkara itu sekarang. Inilah hukum penuaian Tuhan. Jika kita hendak menanam satu kebun, kita perlu tanamkan biji benih, mengair dan melindungi biji benih itu dari rumpai. Jika kita tidak buat demikian, kita tidak akan memperoleh penuaian!

Berikut ialah satu senarai “buah” yang baik yang mungkin kamu inginkan dalam hidup kamu, catatkan perkara yang boleh kamu lakukan dalam bulan ini untuk menolong kamu untuk menerima berkat-berkat ini.

- Satu keluarga yang bahagia
- Pendidikan
- Rakan-rakan yang baik
- Pembaptisan dan Penetapan
- Kesaksian tentang Yesus Kristus

© 2014 oleh Intellectual Reserve, Inc. Semua hak terpelihara. Dicitak di USA.
Kelulusan Bahasa Inggeris: 6/14. Kelulusan penterjemahan: 6/14. Penterjemahan *First Presidency Message, August 2014*. Malay. 10868 348



Iman, Keluarga, Pertolongan

Misi Ilahi Yesus Kristus: Mesias

Mengkaji pesanan ini dengan berdoa dan carikan perkara untuk dikongsikan. Bagaimana kefahaman tentang hidup dan peranan Juruselamat boleh meningkatkan iman kamu kepada Dia dan memberkat mereka yang kamu jaga melalui pengajaran berkunjung? Untuk maklumat lebih lanjut, layari reliefsociety.lds.org.

Ini sebahagian dalam satu siri Pesanan Pengajaran Berkunjung yang memberi keutamaan kepada aspek misi Juruselamat.

Kitab suci mengajar bahawa kita boleh berada dalam hadirat Tuhan “melalui jasa, dan belas kasihan, dan rahmat Mesias” (2 Nefi 2:8). *Mesias* ialah “satu istilah bahasa Aramia dan bahasa Ibrani yang bererti ‘yang ditugaskan.’ . . . Dalam Perjanjian Baru Yesus dipanggil Kristus, dalam bahasa Greek sama erti dengan *Mesias*. Ia bererti Nabi, Imam, Raja, dan Penebus yang ditugaskan.”¹

Elder Jeffrey R. Holland dari Kuorum Dua Beals Rasuk bersaksi: “Saya tahu [Yesus Kristus] ialah Yang Kudus dari Israel, Mesias yang akan datang lagi pada suatu hari dalam kemuliaan terakhir, untuk memerintah pada bumi ini sebagai Tuhan Yang Agung dan Raja Yang Terutama. Saya tahu tidak ada nama lain di bawah syurga yang boleh menyelamatkan seorang lelaki [atau wanita].”²

“[Yesus Kristus] ialah Juruselamat dan Penebus dunia ini,” kata

Presiden Dieter F. Uchtdorf, Penasihat Kedua dalam Presidensi Utama, “Dia ialah Mesias yang sudah dijanjikan. Dia hidup dengan sempurna dan menebuskan dosa-dosa kita. Dia akan berdiri di sebelah kita. Dia akan menjuangkan perang kita. Dialah harapan kita; Dialah penyelamatan kita; Dialah jalan.”³

Ayat-ayat Suci Tambahan

Yohanes 1:38–41; 4:25–26, 40–42; 2 Nefi 6:13; 25:16–17

Dari Tulisan Suci

Para pengikut wanita Yesus Kristus sudah menjadi saksi peranan-Nya sebagai Mesias. Maria Magdalena ialah seorang pengikut Yesus Kristus. Dialah orang yang pertama untuk melihat “batu penutup sudah digulingkan dari lubang kubur” pada pagi Kebangkitan Kristus. Dia “berdiri sambil menangis di hadapan kubur” selepas dia mendapati bahawa tubuh badan-Nya sudah hilang dari kubur itu.

Kemudian “Maria berpaling dan nampak Yesus berdiri di situ. Tetapi Maria tidak tahu bahawa Dia Yesus.

“Yesus bertanya kepadanya, Puan, mengapa menangis? Siapakah yang puan cari? Maria menyangka Dia itu tukang kebun. Oleh itu Maria berkata, Tuan, jika tuan sudah memindahkan jenazah Yesus, beritahulah saya tempat tuan meletakkan jenazah-Nya, supaya saya boleh pergi mengambil jenazah-Nya.

“Yesus berkata kepadanya, Maria! Maria berpaling kepada Yesus lalu berkata dalam bahasa Ibrani, Rabbuni!(yang bererti guru).” Maria mengenal bahawa Dia bukan tukang kebun tetapi Yesus Kristus, Mesias. (Lihat Yohanes 20:1–17).

NOTA

1. Guide to the Scriptures, “Messiah”; scriptures.lds.org.
2. Jeffrey R. Holland, “The Only True God and Jesus Christ Whom He Hath Sent,” *Liahona*, Nov. 2007, 42.
3. Dieter F. Uchtdorf, “The Way of the Disciple,” *Liahona*, Mei 2009, 78.

Timbangkan Ini

Mengapa adalah penting untuk memahami peranan Juruselamat sebagai Mesias?